

**MIC Komited Memindahkan Sekolah Tamil Ke Lokasi Baru - Dr Subramaniam Bernama**  
**24 September , 2011**

PUTRAJAYA, 24 Sept (Bernama) -- MIC komited dalam usaha memindahkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang mempunyai bilangan murid yang kecil ke kawasan penempatan baru dan mempunyai populasi masyarakat India yang ramai.

Timbalan Presiden MIC, Datuk Dr S. Subramaniam berkata terdapat 14 buah sekolah yang mempunyai kurang daripada 10 orang murid dan 69 sekolah yang mempunyai kurang daripada 25 orang murid.

Beliau berkata perkara itu telah dibangkitkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini.

"Masalah sekarang ialah kawasan yang mempunyai keperluan tinggi tetapi tiada sekolah, manakala kawasan yang tidak ada keperluan pula ada sekolah.

"Oleh itu kita mahu menyelesaikan perkara ini. Memang ia mengambil masa yang lama dan memerlukan belanjawan yang tinggi.

"MIC sudah memberi tahu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa MIC memerlukan peruntukan yang tinggi supaya perkara ini dapat diatasi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri seminar mengenai koperasi masyarakat India di sini hari ini.

Seminar anjuran Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India itu dirasmikan oleh Presiden MIC, Senator Datuk G. Palanivel.

Dr Subramaniam yang juga Menteri Sumber Manusia meminta beberapa pihak termasuk parti pembangkang supaya tidak mempolitikkan isu sekolah Tamil untuk kepentingan diri sendiri.

Katanya MIC sedang giat mengenal pasti tapak yang sesuai dalam proses pemindahan sekolah Tamil yang bermasalah ke lokasi baru dan yakin bilangan murid-murid akan meningkat kelak.

"Kita telah memberitahu kepada Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan baru-baru ini saya juga telah bangkitkan perkara ini dalam jemaah menteri bahawa pendirian MIC ialah, tiada sekolah Tamil akan ditutup cuma dipindahkan kepada ke kawasan yang lain," katanya.

Dianggarkan kira-kira 107,000 murid sedang belajar di 523 sekolah Tamil.

Beliau juga menafikan laporan akhbar berbahasa Tamil kononnya sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Kuala Muda, Kedah akan ditutup berikutan kekurangan murid.

Katanya tapak baru yang sesuai untuk sekolah itu sedang dikenal pasti.

Beliau yakin masyarakat India akan terus memberikan sokongan dan kerjasama penuh bagi usaha MIC untuk memastikan sekolah Tamil terus kekal di negara ini.

Dalam pada itu, Dr Subramaniam mengakui terdapat kelemahan dalam proses penambahbaikan dan pembinaan bangunan tambahan sekolah Tamil yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Kita mengakui terdapat kelemahan dalam pengendalian JKR apabila membina atau dalam penambahbaikan bangunan sekolah. Kadang kala ia tidak menempati kehendak sekolah dan ibu bapa. Sebab di Sekolah Cina peruntukan kewangan itu terus diberikan kepada Jawatankuasa Pengelola Sekolah, tetapi lain pula halnya bagi sekolah Tamil.

"Kita telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kerja Raya bagaimana masalah itu boleh diatasi pada masa akan datang," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615532>